



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 13 Jun 2016

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**BILANGAN 12 TAHUN 2016**

**PANDUAN PENGIRAAN HARI BERKURSUS**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, pengiraan hari berkursus adalah dibuat berdasarkan tarikh kursus sepertimana yang dimaklumkan oleh penganjur. Setiap kursus yang dianjurkan di dalam mahupun luar negara, telah di nyatakan tarikh kursus dalam surat/ memo jemputan. Oleh itu, pihak UPSM akan menggunakan tarikh yang dimaklumkan penganjur bagi merekodkan jumlah hari berkursus.

3. Justeru itu, anggota diminta untuk tidak menganggap hari perjalanan ke tempat kursus sebagai sebahagian tempoh berkursus yang diambilkira. Bagi kursus yang dianjurkan di luar radius kawasan pejabat, anggota LGM dibenarkan untuk bergerak ke tempat kursus sehari awal dan bergerak pulang dari tempat kursus sehari selepas tarikh tamat kursus. 2 hari perjalanan (pergi/balik) ini **tidak di kira sebagai hari berkursus** kerana ia merupakan tempoh perjalanan sahaja dan bukan tempoh berkursus.

4. Sehubungan itu, mohon semua anggota LGM menggunakan pengiraan hari berkursus ini sebagai panduan dalam merekod latihan peribadi. Sebarang kekeliruan boleh dimajukan kepada Cik Tini Gishamsuddin [tini@lgm.gov.my](mailto:tini@lgm.gov.my) atau En Mohd Hafiz Hussain [hafiz@lgm.gov.my](mailto:hafiz@lgm.gov.my) untuk penerangan lanjut.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'**

**(NURUL HUDA ABDUL HAMID)**

s.k : Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Ketua Unit Pentadbiran  
Ketua Unit Kewangan dan Akaun